22 JULAI 2018

# Newtec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-16

M E N J A D I   M U R I D - M U R I D   H A R A P A N

### TEMA BULANAN:

## AKU MENJADI SEGALANYA DI DALAM KRISTUS

# Harapan agar anak Domba Mendengar Suara Gembala

Hari Ahad yang lepas kita telah mendengar bacaan dari Injil Markus tentang Yesus yang mengutus Kedua Belas Orang Rasulnya keluar menjalankan misi-Nya. Pada Hari ini, kita mendengar bacaan Injil dimana mereka akhirnya kembali dengan hati yang penuh kegembiraan dan keterujaan. Mereka pasti sangat bersukacita. Mereka telah menurut apa yang telah dilakukan oleh



Guru mereka! Ia adalah peluang yang terbaik untuk sesetengah mereka berkembang, dan untuk melonjakkan status mereka di kalangan masyarakat mereka.

Injil Markus tidak menyatakan bahawa Yesus melayani mereka dengan mendengar pelbagai kisah mereka. Sebaliknya, Yesus memberitahu mereka supaya 'pergi ke tempat yang sunyi secara bersendirian dan berehat seketika.' Itulah yang dilakukan-Nya setiap kali selepas bertemu dengan orang ramai: pergi ke tempat yang sunyi untuk berdoa.

Apakah ajaran Tuhan kepada kita melalui petikan ini? Serta merta perkataan *keseimbangan* muncul di fikiran. Ia seolah-olah menjadi perkataan yang sukar difahami kerana kita kerap tunduk kepada kesibukan hidup. Kegelisahan yang dialami oleh Kedua belas Orang Rasul Yesus, yang melakukan misi tanpa Gembala mereka akhirnya berjaya dilaksanakan dan jika mereka dibiarkan sendiri untuk pergi dengan lebih jauh lagi, aktiviti misi mereka pasti akan berkurangan. Gambaran ini mencerminkan ketegangan para pemimpin yang berdedikasi di dalam pelayanan di Gereja, tetapi akhirnya hanya keletihan terlukis di wajah mereka kerana kehilangan keseimbangan di dalam misi mereka. **Kita haruslah mendengar suara Tuhan di dalam hati kita** untuk menjadi pelayan yang lebih efektif.

Pada hari ini, Yesus juga mengajar tentang *ketersediaan*. Di dalam Injil Markus 6: 30-34, ketika Yesus dan murid-muridnya melintasi tasik dengan sebuah perahu, orang ramai bergegas mendapatkan mereka dengan berjalan kaki di atas jalan darat dan ketika Dia sampai ke darat, Dia berhadapan dengan ramai orang. Apakah yang dilakukan oleh Yesus? Dia menjadikan dirinya tersedia untuk 'mereka yang diibaratkan seperti domba tanpa Gembala.'

Yesus mungkin mempunyai rencana untuk membawa murid-murid-Nya ke tempat yang sunyi untuk mereka bersendirian tetapi apabila berhadapan dengan situasi itu, Yesus mengajar kita untuk merasakan keperluan orang-orang yang kita layani. Menurut kata-kata Bapa Suci Paus Fransiskus, *berbaulah seperti domba!* Hati Yesus tersentuh oleh belas kasihan dan Dia tetap menjangkau mereka.

Tuhan adalah Gembalaku, aku tidak harus menolak. Sebagai rasul pengharapan, marilah kita belajar untuk menjaga keseimbangan dengan tetap dekat dengan Gembala Baik agar kita dapat mendengar suara-Nya.✝

> **Mendengar dan mengikuti dengan telinga hatimu.**
> - Santo Benediktus

**Perkataan mingguan**

**Kita haruslah mendengar suara Tuhan di dalam hati kita.**

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 29/2018

*Published by:* Peninsular Malaysia Pastoral Team
api@archkl.org

*Print:* Stenoprint Sdn Bhd
*Design:* The Mustard Seed Studio

**GEREJA VISITATION**
85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
**Email : serembanvisitation@gmail.com**
**Website : www.visitationseremban.org**
**Paderi Paroki : Rev. Fr George Harrison**
**Pembantu Paderi : Fr. Xavier Andrew**

# PEMURIDAN : MENJADI MURID HARAPAN.

**Harapan:Saya Menjadi Segalanya Dalam Kristus(Julai)2018**

*Ke Arah 170 tahun Paroki Visitation*

*( 1848 - 2018 )*

**WAKTU PEJABAT PAROKI**
Isnin - Jumaat
8.30pg - 5.30ptg
Sabtu : 8.30pg – 7.30ptg
Ahad : 8.30pg - 3.00ptg
Pengakuan di dalam gereja
*½ jam sebelum semua Misa mengikut kesediaan paderi.*



## PROGRAM MINGGU INI 21 – 29 JULAI 2018

**HARI MINGGU BIASA KE-16 :** Yer 23, 1-6 Mzm 22, 1-3a ,3b -4, 5, 6 Efe 2, 13-18, Mrk6, 30-34

***"Tuhanlah Gembalaku, Takkan Kekurangan Aku." (Mazmur 22)***

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Sab | 21 | 5.00 ptg<br>6.00 ptg | **Rosari / Novena / Benediction**<br>Misa Kudus (E) (Animasi : RE-Form 3) | Bible Knowledge (BK) : 2.30ptg di Dewan Visitation (U/S) (F. 3,4,5)<br>***Misa Penguatan*** |
| Ahad | 22 | 7.00 pg<br>9.00 pg<br>11.00 pg<br>1.00 ptg | Misa Kudus (T) (Animasi : )<br>Misa Kudus (E) (Animasi: St. Gregory)<br>Misa Kudus (C)<br>Misa Kudus (BM) 6.00 ptg : Kg. Sebir (BM) | *RE(T): 8.45-10.15 pg; RE(C) :9-10.30pg : RE(E) & (BM) 10.45 -12.15ptg*<br>*RCIA (T) 9.00 -10.30pg ; RCIA (BM) 11.00pg -12.30ptg*<br>*RCIA (E) 11.00 -12.30ptg ; RCIA (M) : 8.45pg -10.30pg* |
| Is | 23 | 6.45 pg | Misa Kudus | *Karismatik (E) 7.30ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput.* |
| Sel | 24 | 6.45 pg | Misa Kudus | *Karismatik (M) 7.30ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput.* |
| Rab | 25 | 6.45 pg | Misa Kudus | ***7.45 ptg : Perjumpaan BECCOT*** |
| Kha | 26 | 6.45 pg | Misa Kudus | ***7.30 ptg : Jam Suci diikuti dengan Misa Kudus (T) di Chapel Sacred Heart, Marjorie.*** |
| Ju | 27 | 6.45 pg | Misa Kudus | |

**HARI MINGGU BIASA KE-17 :** 2 Raj 4, 42-44 Mzm 144, 10-11, 15-16, 17-18 Efe 4, 1-6, Yoh 6, 1-15

***"You Open Wide Your Hand, O Lord, And Grant Our Desires (Psalm 144)***

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Sab | 28 | 5.00 ptg<br>6.00 ptg | Rosari / Novena / Benediction<br>Misa Kudus (E) (Animasi : St. Leo ) | Bible Knowledge (BK) : 2.30 ptg di Dewan Visitation (U/S) (F. 3,4,5) |
| Ahad | 29 | 7.00 pg<br>9.00 pg<br>11.00 pg<br>1.00 ptg | Misa Kudus (T) (Animasi : )<br>Misa Kudus (E) (Animasi : St. Denis)<br>Misa Kudus (C) 4.30 ptg : Titi (BM)<br>Misa Kudus (BM) | *RE(T): 8.45-10.15 pg; RE(C) :9– 10.30 pg : RE(E) & (BM) 10.45 -12.15tgh*<br>*RCIA (T) 9.00 -10.30 pg ; RCIA (BM) 11.00 pg -12.30ptg*<br>*RCIA (E) 11.00 -12.30ptg ; RCIA(M) : 8.45 -10.15pg* |

**Kami mengalu-alukan ahli paroki baharu / pelajar** daripada Universiti / Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau emel kepada kami di: serembanvisitation@gmail.com. *Anda akan menerima Kad Doa (Magnificat). Berdoalah setiap hari.*

**BERITA/ACARA BAGI JULAI 2018**

**i) Pungutan Mingguan Paroki:**
14/15 Julai : RM9,313.50
**Tuhan memberkati semua penderma**

**ii) Ekaristi Kudus:** Umat yang datang untuk menyambut komuni hendaklah menjawab Amen dengan jelas dan memakannya serta merta.

**iii) Menjaga Harta Benda Gereja** (e.g. LCD, meja, kerusi dll) yang digunakan hendaklah dikembalikan ke tempat asal. Sila bertanggungjawab ke atas harta benda gereja..

- **Semua Ministri/Kerasulan Paroki Dasar** adalah dikehendaki untuk membincangkan perancangan dan bajet/kewangan terkini bersama dengan Paderi Paroki. Sila kemaskini aktiviti-aktiviti, tetamu berucap dan permintaan untuk premis dan barangan AV sekurang-kurangnya sebulan sebelum acara. Terima kasih atas pertimbangan anda.
- **Kelas RCIA 2018 / 2019** akan dimulakan pada 08 Julai . Sila galakkan mereka yang terbuka hati untuk mengikuti Yesus sekarang!
  Hubungi Leo : 013-3977639 atau pejabat paroki
  **Mandarin:**8.45pg – 10.15pg - Tingkat atas dewan
  **Tamil :** 9.00 pg – 10.30 pg - Tingkat atas dewan
  **English :** 11.00 pg – 12.30 tgh – *Bible Hall*
  **BM :** 11.00 pg -12.30 tgh – Tingkat atas dewan

**Loceng Perkahwinan** :
Zeno Jerome & Hevareena pd 28/07/18 @ 11.00 pg

**Terima kasih untuk animasi Misa:** RE- Eng (Ting 3) dan BEC St. Gregory (Permai) pada minggu ini.

- **Buku *Cornerstone "Coffee Table"*** ulang tahun 170 tahun.
  Buku tersebut kini boleh didapati. Dapatkan naskah anda SEKARANG selepas semua Misa di 3 tapak penjualan di luar gereja. RM40/- per naskah. Adakah anda ingin menyumbangkan senaskah kepada PADERI? Pilih paderi daripada senarai nama dan tuliskan ucapan anda padanya. Sila berjumpa dengan sukarelawan di tapak penjualan. **Semua KED/Zon, Chapel, Ministri, semua keluarga dalam paroki adalah digalakkan untuk membeli senaskah buku ini.**
- Mari berdoa bagi 88 calon Penguatan. Misa Penguatan: 21/7/18 (Sab) @6.00 ptg
- Mari luangkan masa untuk **perjumpaan bulanan KED**. "Saya Menjadi Segalanya Dalam Kristus". Kita akan membaca Alkitab, Merenung, Hidup dan menjangkau mereka yang memerlukan.
- ***Hymns, Hospitality & Homily*** ⟶ Makanan untuk Jiwa & Misi dalam Paroki pada hari ini! Mari Berdoa & Buat yang terbaik untuk Komuniti Paroki.
- ***Evening for Couples*** adalah Program Pengayaan sehari untuk semua pasangan berkahwin. Program ini telah ditunda ke suatu tarikh baharu. Tarikh baharu akan dimaklumkan kemudian.
- ***Soup Kitchen*** kini diketuai oleh Anne Retnam dan Pasukannya. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Stephen Dionisappu kerana telah mengetuai pasukan ini selama 2 tahun. Kami memerlukan sukarelawan untuk membantu dan mengunjungi para pelawat semasa waktu makan. Hubungi Anne – 017-8758868
- ***Eulogy*** : Sekiranya perkhidmatan ini diperlukan- **"Eulogy"** adalah disediakan dan disampaikan dalam bentuk memuji mereka yang telah meninggal dunia di akhir Misa Pengebumian oleh salah satu ahli keluarga. Sila pastikan ianya ditulis pada kertas bersaiz A4 (terhad dalam 1 muka surat sahaja) & maklumkan pejabat paroki. Mohon agar tiada pemberitahuan saat akhir.
- **Program Hujung Minggu Choice 2018**:
  (i) Tamil di Visitation : 24 (Jumaat) hingga 26 (Ahad) Ogos 2018
  Hubungi : Raymond – 016-6894257
  (ii) Choice English (APC) : 5 (Jumaat) hingga 7 (Ahad) Oktober 2018
  Hubungi : choiceklrecruitment@gmail.com
- **Kursus Persedian Perkahwinan Katolik Visitation (CMPC)** (6 minggu)
  a) English CMPC
  b) Tamil CMPC bermula pd 1 September 2018
  c) Mandarin CMPC

Sila berjumpa dengan Paderi Paroki. Untuk maklumat lanjut sila berurusan dengan pejabat paroki..